

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

# PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN DBKL

2021 - 2025





**KATA-KATA ALUAN OLEH**

## **DATUK BANDAR KUALA LUMPUR**

**YBhg. Datuk Seri Haji Mahadi bin Che Ngah**



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah SWT, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah berjaya menyempurnakan PSP (Pelan Strategik Pendigitalan) DBKL 2021- 2025. Setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan kepada semua pihak yang telah bertungkus-lumus dan berkerjasama dalam penyediaan PSP ini.

Penambahbaikan penggunaan teknologi dan pelaksanaan teknologi baru amat diperlukan untuk mendorong transformasi digital sektor awam. Agenda ini sangat penting kepada DBKL bagi memenuhi visi Kerajaan untuk memperkasakan sektor awam dari segi pendigitalisasi. Ia selaras dengan Rancangan Malaysia Ke-12, inisiatif Jalinan Digital Negara (JENDELA) serta MySmart Wilayah 2030.

Di samping itu, pelan PSP in juga diharap dapat memajukan DBKL ke arah pencapaian visi Bandar Raya Pintar yang

dimurnikan di dalam Pelan Induk Bandaraya Pintar Kuala Lumpur 2021 – 2025 (KLSCMP2025). Teknologi bandar raya pintar akan diperluas penggunaannya dalam perancangan dan pengurusan Bandaraya Kuala Lumpur untuk menangani masalah urbanisasi yang memberi kesan kepada warga kota, pengunjung, dan sektor perniagaan. Dengan ini, secara tidak langsung, DBKL dapat meningkatkan imej ibu negara Malaysia dengan menyediakan khidmat yang memuaskan hati penduduk Kuala Lumpur.

Akhir kata, besar harapan saya agar semua warga DBKL dapat memberi kerjasama yang sepenuhnya untuk mereliasasikan PSP DBKL 2021-2025 bagi menyokong visi dan misi DBKL secara menyeluruh.



## KATA-KATA PENDAHULUAN OLEH

# KETUA PEGAWAI MAKLUMAT

**YBrs. Puan Hasimah binti Ismail**



Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah.

PSP (Pelan Strategik Pendigitalan) DBKL 2021-2025 dapat dihasilkan dengan sumbangan idea dan tenaga daripada semua pihak. Melalui penyediaan PSP DBKL 2021-2025 ini, saya yakin bahawa hala tuju pembangunan ICT DBKL di bawah penyeliaan Jabatan Pengurusan Maklumat (JPM) dapat dilaksanakan dengan lebih sistematik dan efektif.

Inisiatif–inisiatif dalam PSP ini telah diinovasikan daripada hasil kemunculan dan penerapan Revolusi Industri 4.0 dalam sektor perkhidmatan awam. Sebagai contoh Analitis Data Raya, Internet of Things (IoT) dan Cloud Computing. Hal ini boleh memajukan DBKL ke arah transformasi digital dengan pengukuhan automasi kerja, integrasi sistem dan penyampaian maklumat secara real-time.

Sehubungan itu, perkhidmatan dapat disampaikan dengan lebih cepat dan cekap kepada orang awam.

Susulan itu, pelaksanaan langkah-langkah keselamatan siber merupakan pertimbangan yang sangat penting bagi melindungi data-data sensitif. DBKL harus bergerak ke arah perkhidmatan ICT yang lebih selamat dan tadbir urus yang kuat. Kelima-lima teras yang ditakrifkan dalam pelan PSP kali ini, selari dengan dasar- dasar kerajaan dan menyokong visi Kuala Lumpur untuk menjadi bandar raya Pintar bertaraf dunia menjelang tahun 2025.

Akhir kata, saya berharap agar PSP DBKL 2021-2025 dapat direliasisasikan untuk membantu memperkasakan penggunaan ICT dengan lebih cekap, produktif, mudah, telus, sistematik dan real-time pada masa akan datang.

Terima kasih.

# KANDUNGAN

<b>PENGENALAN</b>	<b>4</b>
-------------------	----------

<b>KONTEKS PERANCANGAN</b>	<b>5</b>
----------------------------	----------

Rangka Kerja Nasional dan Sektor Awam	5
---------------------------------------	---

Isu-isu dan Cabaran	6
---------------------	---

<b>TERAS-TERAS STRATEGIK DAN INISIATIF- INISIATIF PSP DBKL 2021-2025</b>	<b>7</b>
------------------------------------------------------------------------------	----------

Teras 1	9
---------	---

Teras 2	11
---------	----

Teras 3	13
---------	----

Teras 4	15
---------	----

Teras 5	17
---------	----

Penjajaran dengan Pelan Induk Bandaraya Pintar Kuala Lumpur 2021-2025	19
--------------------------------------------------------------------------	----

<b>PERANCANGAN PLATEAU</b>	<b>20</b>
----------------------------	-----------

Garis Masa Pelaksanaan	21
------------------------	----

<b>HURAIAN PENTING</b>	<b>24</b>
------------------------	-----------





# 01 PENGENALAN KEPADA PSP

## Perancangan ke arah Pemeriksaan Digital

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) merupakan pelan pelaksanaan yang menentukan arah dan kerangka strategi bagi pelaksanaan teknologi untuk peningkatan penyampaian perkhidmatan cemerlang. Ianya dapat membantu dalam memenuhi objektif DBKL untuk membangunkan Kuala Lumpur menjadi Bandaraya Sejahtera menjelang tahun 2030, serta merealisasikan visi Bandaraya Pintar 2025.



PSP ini akan menjadi panduan untuk DBKL bagi mencapai perkara-perkara berikut : -

- Tumpuan strategik selama 5 tahun pada perkhidmatan ICT, proses kerja serta teknologi.
- Penjajaran teknologi seiring dengan matlamat dan keutamaan organisasi.
- Pemilikan dan pertanggungjawaban yang jelas untuk perkhidmatan, proses kerja serta teknologi.
- Peningkatan kualiti dalam penyampaian dan pengurusan ICT.
- Peningkatan dalam tadbir urus ICT bagi mengokong keperluan organisasi semasa dan akan datang.
- Transformasi ke organisasi *data-driven* serta penggunaan analisis pintar untuk meningkatkan tahap ketelusan operasi.



**Penambahbaikan penggunaan teknologi dan pelaksanaan teknologi baru amat diperlukan untuk mendorong transformasi digital sektor awam.**



YBhg. Datuk Seri Hj. Mahadi bin Che Ngah  
Datuk Bandar Kuala Lumpur



# 02 KONTEKS PERANCANGAN RANGKA KERJA NASIONAL DAN SEKTOR AWAM

## **MYSMART WILAYAH 2030**

Kerangka bandaraya pintar dari Kementerian Wilayah Persekutuan merupakan panduan untuk perancangan dan pembangunan Bandaraya Pintar di wilayah-wilayah Persekutuan melalui penggunaan dan penerapan teknologi.



## **PELAN STRATEGIK PENDIGITALAN SEKTOR AWAM 2021-2025**

PSPSA 2021-2025 menggariskan hala tuju strategik pelaksanaan pendigitalan sektor awam untuk mendorong agenda Kerajaan Digital yang mampan.



## **MYDIGITAL**

MyDIGITAL menggariskan pelan bagi memajukan Malaysia sebagai sebuah ekonomi yang berteknologi tinggi, melalui Pelan Pembangunan Ekonomi Digital Malaysia.



## **RANCANGAN MALAYSIA KE-12**

RMK 12 menetapkan perancangan pemerkasaan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan *social-reengineering*, di mana penggunaan teknologi serta inovasi menjadi salah satu agenda untuk meningkatkan prestasi sektor awam.



## **PELAN STRATEGIK DBKL**

Rancangan ini dibangunkan dengan visi untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Bandaraya Sejahtera menjelang tahun 2030 dan ianya bertujuan untuk meningkatkan tahap kesejahteraan warga kota.



## **PELAN INDUK BANDARAYA PINTAR KUALA LUMPUR 2021 - 2025**

Pelan ini merupakan pelan induk Bandaraya Pintar Kuala Lumpur yang melakarkan cadangan-cadangan inisiatif yang berteraskan 7 domain Bandaraya Pintar.



## ISU-ISU DAN CABARAN

01  Kualiti dan Integriti Data	06  Akses kepada Data
02  Perkongsian Data	07  Tahap Penggunaan Sistem
03  Integrasi Antara Sistem dan Silo	08  Jurang Kesambungan Rangkaian
04  Tadbir Urus IT dan Penyampaian Perkhidmatan	09  Pengetahuan Bisness dan Kemahiran Baru
05  Perkhidmatan e-Services	10  Pemulihan Sistem

10 perkara di atas mewakili isu-isu dan cabaran utama yang hadir di persekitaran semasa DBKL. Ini memberi konteks untuk perancangan PSP yang diharapkan dapat menangani perkara-perkara tersebut, seterusnya menggerakkan DBKL ke arah pencapaian kemajuan ICT dalam tempoh 5 tahun ini.



## 03 TERAS STRATEGIK DAN INISIATIF DBKL PSP 2021-2025



Inisiatif – inisiatif dalam Pelan PSP ini telah diinovasikan daripada hasil kemunculan dan penerapan Revolusi Industri 4.0 dalam sektor perkhidmatan awam.



**YBrs. Pn. Hasimah binti Ismail**  
Ketua Pegawai Maklumat DBKL

Lima teras strategik dalam Pelan Strategik ICT yang akan dilaksanakan dalam 5 tahun akan datang.

Teras-teras strategik yang dicadangkan bertujuan untuk menyokong visi Kuala Lumpur untuk menjadi bandaraya berkelas dunia dan makmur, serta menggerakkan Kuala Lumpur ke arah status Bandaraya Pintar. Ianya dilaksanakan melalui peningkatan fizikal, pembangunan digital, penambahbaikan infrastruktur, pengurusan perubahan dan pengukuhan tadbir urus ICT.

### Enam Bidang Penambahbaikan Utama untuk 2021 - 2025

Berdasarkan rangka kerja Nasional, sector awam, pelan-pelan strategik DBKL serta isu-isu dan cabaran yang diketahui, enam bidang penambahbaikan utama dikenal pasti untuk membentuk landskap ICT DBKL dalam Pelan Strategik ICT yang baru ini:



Kualiti Perkhidmatan Sistem & Infrastruktur



Meningkatkan Kecekapan Sektor Awam



Organisasi Data-Driven



Meningkatkan Tadbir Urus Data dan Keselamatan Siber




Transformasi Digital



Peningkatan Kecekapan Perkongsian Data



## PELAN STRATEGIK ICT DBKL 2021-2025



Empat tema asas iaitu Pengupayaan Teknologi, Penyampaian Secara Digital, Data & Analisis dan Tadbir Urus ICT yang kukuh, menetapkan batasan untuk perancangan 36 inisiatif di bawah lima teras strategik:

- Memperkukuhkan Integrasi dan Meningkatkan Akses ke Perkhidmatan Digital (7 inisiatif).
- Membina Asas kepada Bandaraya Pintar dan Penerapan Perkhidmatan *Citizen-Centric* (8 inisiatif).
- Peningkatan Pengurusan, Perkhidmatan dan Pemulihan Infrastruktur ICT (7 inisiatif).
- Memperkukuhkan Kecekapan & Pengurusan Perubahan Melalui Penglibatan Yang Berterusan (5 inisiatif).
- Memperkukuhkan Tadbir Urus ICT Dengan Standard, Amalan & Rangka Kerja Baru (9 inisiatif).

# TERAS 1

## Memperkukuhkan Integrasi dan Meningkatkan Akses ke Perkhidmatan Digital

### OBJEKTIF:

Teras 1 bertujuan untuk memperkukuhkan integrasi aplikasi dan penambahbaikan keupayaan digital atas talian untuk mencapai kecekapan dalam pengoperasian DBKL. Cabaran dalam kebolehpercayaan data dan akses *real-time* menjadi pendorong kepada peningkatan di bawah teras ini. Menangani cabaran-cabaran ini akan membantu meningkatkan daya tahan dan kecekapan perkhidmatan kepada warga Kuala Lumpur.

### STRATEGI-STRATEGI

S1. Memperkukuhkan Integrasi Antara Aplikasi.

S2. Meningkatkan Integriti Data Dan Sumber Data.



## TERAS 1

## Memperkuhkan Integrasi dan Meningkatkan Akses ke Perkhidmatan Digital

Inisiatif		Garis Masa
1.1	<b>Sokongan Pintar untuk Pelanggan</b> Penambahbaikan dan pengembangan penggunaan <i>chatbot</i> untuk pengguna luaran serta dalaman.	2021 – 2022
1.2	<b>GIS KL</b> Penyatuan data GIS, sistem, dan antara muka ke dalam satu sumber dan platform data geospasial pusat.	2021 – 2023
1.3	<b><i>Unified Digital Document and Content Management System</i></b> Platform secara unified yang berkeupayaan untuk menguruskan kitaran hayat dokumen, bermula dengan penyimpanan fail kerja elektronik, data, sehingga penyediaan dokumen akhir dan pengarkiban rekod. Ianya termasuk dokumen fizikal dan elektronik.	2021 – 2023
1.4	<b>Sistem Pengurusan Projek</b> Penggunaan ciri dan fungsi penuh modul Pengurusan Projek di dalam sistem teras untuk mengawal dan mengurus projek.	2021 – 2022
1.5	<b>Kecekapan Penguatkuasaan</b> Penambahbaikan operasi penguatkuasaan melalui pengaksesan data penguatkuasaan secara lancar dan <i>real-time</i> .	2023 – 2024
1.6	<b><i>Digital Institute</i></b> Menyokong program pembelajaran fizikal dan atas talian yang berterusan, penyusunan kandungan pembelajaran, keupayaan latihan pekerja dan pemantauan proses pembelajaran secara menyeluruh.	2023 – 2024
1.7	<b>Portal KL City</b> Portal yang <i>citizen-centric</i> dengan mengambilkira peningkatan kepada penyampaian e-perkhidmatan DBKL, serta mempromosikan pengalaman pengguna yang lancar serta bersepadu.	2023



# TERAS 2

## Membina Asas kepada Bandaraya Pintar dan Penerapan Perkhidmatan Citizen-Centric

### OBJEKTIF:

Teras 2 bertujuan untuk membina asas transformasi DBKL kepada organisasi yang *data-driven* untuk menyokong visi Bandaraya Pintar serta menyediakan perkhidmatan yang *citizen-centric* melalui penggunaan aplikasi pintar. Akses kepada data dan pemanfaatan analisis data adalah kunci untuk mendorong kejayaan kearah Bandaraya Pintar yang akan memberi nilai kepada warga Kuala Lumpur dan pengunjung, disamping memupuk kerjasama dengan pihak-pihak ketiga.

### STRATEGI-STRATEGI

**S1. Bina Keupayaan Data Raya Bandaraya KL.**

**S2. Memperkasa Warga Pintar Melalui Aplikasi Pintar.**



## TERAS 2

## Membina Asas kepada Bandaraya Pintar dan Penerapan Perkhidmatan Citizen-Centric

Inisiatif		Garis Masa
2.1	<p><b>Aplikasi Pintar Mobiliti</b> Peningkatan aplikasi mudah alih Go-KL dengan ciri-ciri dan fungsi tambahan bagi mempromosikan penggunaan pengangkutan awam.</p>	2021 – 2023
2.2	<p><b>Pembayaran Tanpa Tunai</b> Memperluaskan pilihan pembayaran tanpa tunai bagi perkhidmatan-perkhidmatan atas talian DBKL untuk merangkumi penggunaan e-Wallet.</p>	2021
2.3	<p><b>Aplikasi DiscoverKL</b> Tingkatkan fungsi aplikasi mudah alih MOBIS ke sebuah aplikasi Bandaraya Pintar bagi mengakses perkhidmatan, maklumat dan informasi terkini DBKL.</p>	2021 – 2023
2.4	<p><b>Portal VisitKL</b> Penambahbaikan portal VisitKL ke laman web yang pintar untuk perkongsian maklumat pelancongan.</p>	2022 – 2024
2.5	<p><b>Kuala Lumpur Urban Observatory</b> KLUO menyimpan data-data serta petunjuk (<i>indicator</i>) bandaraya Kuala Lumpur yang boleh diakses oleh orang awam, pihak ketiga dan agensi-agensi lain.</p>	2021 – 2025
2.6	<p><b>Pengupayaan IOT – Platform</b> Pelaksanaan gateway dan platform IoT untuk penyebaran, penyambungan, pengurusan rangkaian, pengurusan data, analisis, pelaksanaan aplikasi, keselamatan, kawalan akses, pemantauan, dan pemprosesan peristiwa (<i>events</i>) sensor-sensor IoT.</p>	2022
2.7	<p><b>Pengupayaan IOT – Peranti</b> Pelaksanaan peranti-peranti IoT bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam dan penyelenggaraan infrastruktur. Peranti IOT: <i>smart CCTV, smart street lights, smart traffic lights, water level sensors, air quality sensors, smart tree sensors, panic buttons</i> dan <i>smart poles</i>.</p>	2022 – 2024
2.8	<p><b>Analitis Data Raya dan Pelaporan Pintar</b> Pelaksanaan data raya DBKL bagi memproses serta menganalisis data berstruktur dan tidak terstruktur, yang didukung oleh <i>Artificial Intelligence</i>.</p>	2022 – 2025



**OBJEKTIF:**

Teras 3 bertujuan untuk memperkukuh dan menjamin kesinambungan infrastruktur ICT DBKL untuk terus menyokong persekitaran ICT yang akan datang. Cabaran-cabaran dalam penyambungan rangkaian, risiko keselamatan dan pemulihan bencana adalah aspek penting yang perlu ditangani untuk penyampaian perkhidmatan *e-Government* yang stabil dan selamat.

**STRATEGI-STRATEGI**

**S1. Prasarana dan Keseinambungan Digital**

**S2. Meningkatkan Keupayaan Pemulihan Bencana (*Disaster Recovery*)**



## TERAS 3

Peningkatan Pengurusan, Perkhidmatan dan Pemulihan  
Infrastruktur ICT

Inisiatif	Garis Masa
3.1 <b>Penaiktarafan Perkakasan</b> Menaik taraf pelayan serta peranti rangkaian yang mencapai <i>End-of-Life</i> dan <i>End-of-Support</i> bagi mengurangkan risiko keselamatan, ketidaksesuaian teknologi, prestasi rendah, ketersediaan dan isu ketidakpatuhan.	2021 – 2022
3.2 <b>Sistem Pengurusan Inventori IT</b> Sistem Pengurusan Inventori IT untuk mendorong pendekatan holistik dalam menguruskan aset dan inventori semasa JPM yang merangkumi semua perkakasan dan perisian.	2021 – 2022
3.3 <b>Kesediaan Pemulihan Bencana (<i>Disaster Recovery</i>)</b> Memperkukuhkan pelan Pemulihan Bencana serta infrastruktur yang sedia ada untuk memperbaiki pemulihan sistem dan infrastruktur ICT.	2021 – 2022
3.4 <b>Penaiktarafan Rangkaian</b> Penambahbaikan sambungan rangkaian antara semua menara DBKL, lokasi luar dan cawangan-cawangan bagi membolehkan operasi harian yang lebih efisien.	2021 – 2024
3.5 <b>Pengupayaan Perkomputeran Awan (<i>Cloud Computing</i>)</b> Manfaatkan persekitaran awan untuk meningkatkan ketersediaan, fleksibiliti dan skalabiliti prasarana IT. Inisiatif memerlukan panduan dan arahan yang akan ditentukan oleh MAMPU.	2024
3.6 <b>Pengujian dan Penilaian Keselamatan Siber</b> Perlaksanaan keselamatan siber dan penilaian ancaman melalui serangan simulasi keatas prasarana IT.	2022 – 2025
3.7 <b><i>Fiber Backbone</i></b> Merekabentuk, membina dan menyelenggara <i>fiber backbone</i> khusus untuk mendukung pelaksanaan rangkaian 5G.	2021 – 2024



# TERAS 4

## Memperkukuhkan Kecekapan & Pengurusan Perubahan Melalui Penglibatan Yang Berterusan

### OBJEKTIF:

Teras 4 bertujuan untuk memperkukuhkan kecekapan digital dan bisnes, serta memperkuat pengurusan perubahan di DBKL, yang dicapai melalui penglibatan berterusan, pembelajaran sendiri dan perkongsian pengetahuan. Kecekapan *end-user* dalam penggunaan sistem, serta keperluan untuk merapatkan jurang pengetahuan bisnes dan teknikal memerlukan inisiatif-inisiatif yang berterusan.

### STRATEGI

#### S1. Budaya Pembelajaran Berterusan





## TERAS 4

## Memperkukuhkan Kecekapan & Pengurusan Perubahan Melalui Penglibatan Yang Berterusan

Inisiatif		Garis Masa
4.1	<p><b>Komunikasi dan Kesedaran</b> Komunikasi secara berkala untuk memaklum dan memberi kesedaran berkenaan pengemaskinian dasar-dasar dan prosedur.</p>	2021 – 2025
4.2	<p><b>Tinjauan Kaji Selidik Kepuasan IT</b> Meningkatkan proses Tinjauan Kaji Selidik Kepuasan IT yang dijalankan di dalam organisasi DBKL untuk menilai tahap kesedaran dan kepuasan pengguna dalam menggunakan aplikasi serta perkhidmatan atas talian DBKL.</p>	2021 – 2025
4.3	<p><b>Sesi Perkongsian Ilmu (<i>Knowledge Sharing</i>)</b> Sesi perkongsian ilmu antara kakitangan-kakitangan DBKL yang dibahagikan kepada:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Perkongsian ilmu proses unit-unit bisnes.</li> <li>ii. Perkongsian ilmu teknologi baru.</li> </ol>	2021 – 2025
4.4	<p><b>Latihan Semula (<i>Refresher Training</i>)</b> Meningkatkan kecekapan pengguna akhir melalui sesi-sesi latihan semula.</p>	2021 – 2025
4.5	<p><b>Membangunkan Duta (<i>Champion</i>) Jabatan</b> Duta jabatan bertindak sebagai perantara bisnes dan JPM. Pegawai yang dilantik akan menjadi titik kontak dan rujukan bagi menangani masalah IT, <i>bug</i>, isu-isu, keperluan pengguna baru, serta menjalankan sesi perkongsian pengetahuan dalam kapasiti sebagai seorang pakar sistem.</p>	2022



### OBJEKTIF:

Teras 5 memberi fokus kepada pengukuhan landasan untuk meningkatkan tadbir urus inisiatif IT bagi menyokong pengurusan projek dan prestasi IT secara sistematik. Ianya juga bertujuan untuk mempromosikan budaya kualiti data bagi meningkatkan integriti data di dalam organisasi. Penerapan tadbir urus yang kuat memerlukan mekanisme yang kukuh bagi penyediaan persekitaran perkhidmatan cemerlang.

### STRATEGI-STRATEGI

**01 Memperkukuhkan Pengurusan Dan Penyampaian Projek.**

**02 Meningkatkan Keselamatan ICT Dan Data.**




## TERAS 5

## Memperkukuhkan Tadbir Urus ICT Dengan Standard, Amalan &amp; Rangka Kerja Baru

Inisiatif		Garis Masa
5.1	<p><b>Perubahan Struktur Organisasi JPM</b> Memperkukuhkan komposisi organisasi JPM dengan penambahan kepakaran dalam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Data Scientist</i> dan <i>data analytics</i></li> <li>• Keselamatan siber</li> </ul> <p>Ini termasuk penyatuan pegawai-pegawai IT dari jabatan-jabatan lain ke JPM.</p>	2022
5.2	<p><b>Penambahbaikan Dasar dan Prosedur Bilik Pelayan (<i>Server</i>).</b></p>	2021
5.3	<p><b>Penambahbaikan Dasar dan Prosedur Pembangunan <i>In-House</i>.</b></p>	2021
5.4	<p><b>Penambahbaikan Dasar dan Prosedur Pengurusan Projek.</b></p>	2021
5.5	<p><b>Penambahbaikan Dasar dan Prosedur Inventori IT.</b></p>	2021
5.6	<p><b>Penambahbaikan Dasar dan Prosedur Keselamatan Siber.</b></p>	2021
5.7	<p><b>Penambahbaikan Dasar dan Prosedur Tadbir Urus Data dan Perkongsian Data.</b></p>	2022
5.8	<p><b>Penambahbaikan Dasar dan Prosedur Jaminan Kualiti.</b></p>	2021
5.9	<p><b>Penambahbaikan Dasar dan Prosedur Pengujian.</b></p>	2021



# PENJAJARAN DENGAN PELAN INDUK BANDARAYA PINTAR KUALA LUMPUR 2021–2025






## 04 PERANCANGAN PLATEAU

DBKL PSP adalah dokumen hidup yang perlu dikemas kini menerusi siri semakan yang berterusan bagi memastikan kesahihannya dengan teknologi terkini dan kesesuaian bisnes semasa.

Perancangan secara plateau (*plateau planning*) memetakan satu *roadmap* untuk mengurus pelaksanaan inisiatif ICT dan Bandaraya Pintar di bawah Pelan Strategik ICT DBKL 2021-2025, dengan mempertimbangkan pencapaian-pencapaian akhir seperti dibawah.



# GARIS MASA PERLAKSANAAN

Quick Wins

TERAS 1 Memperkukuhkan Integrasi dan Meningkatkan Akses ke Perkhidmatan Digital		'21 QW/ Base		'22 Base				'23 P1				'24 P2				'25 P3			
Sukuan		3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
T1.1	Sokongan Pintar Untuk Pelanggan		Quick Wins																
T1.2	GIS KL																		
T1.3	Unified DDMS																		
T1.4	Sistem Pengurusan Projek																		
T1.5	Kecekapan Penguatkuasaan																		
T1.6	Digital Institute																		
T1.7	Portal KL City																		

TERAS 2 Membina Asas kepada Bandaraya Pintar dan Penerapan Perkhidmatan Citizen-Centric		'21 QW/ Base		'22 Base				'23 P1				'24 P2				'25 P3			
Sukuan		3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
T2.1	Aplikasi Pintar Mobiliti	Quick Wins	Quick Wins																
T2.2	Bayaran Tanpa Tunai	Quick Wins	Quick Wins																
T2.3	Aplikasi DiscoverKL																		
T2.4	Portal VisitKL																		
T2.5	KL Urban Observatory																		
T2.6	Pengupayaan IOT – Platform																		
T2.7	Pengupayaan IOT – Peranti																		
T2.8	Analitis Data Raya dan Pelaporan Pintar																		



# GARIS MASA PERLAKSANAAN

Quick Wins

TERAS 3 Peningkatan Pengurusan, Perkhidmatan dan Pemulihan Infrastruktur ICT		'21 QW/ Base		'22 Base				'23 P1				'24 P2				'25 P3			
Sukuan		3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
T3.1	Pemulihan Bencana ( <i>Disaster Recovery</i> )	█	█	█	█		█			█				█				█	
T3.2	Sistem Pengurusan Inventori IT	█	█	█	█	█													
T3.3	Penaiktarafan Perkakasan			█	█	█	█												
T3.4	Penaiktarafan Rangkaian	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█						
T3.5	Pengupayaan Perkomputeran Awan ( <i>Cloud Computing</i> )											█	█	█	█				
T3.6	Pengujian dan Penilaian Keselamatan Siber						█			█				█					█
T3.7	<i>Fiber Backbone</i>			█	█	█	█	█	█	█	█	█							

TERAS 4 Memperkukuhkan Kecekapan & Pengurusan Perubahan Melalui Penglibatan Yang Berterusan		'21 QW/ Base		'22 Base				'23 P1				'24 P2				'25 P3			
Sukuan		3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
T4.1	Komunikasi dan Kesedaran		█		█		█		█		█		█		█		█		█
T4.2	Tinjauan Kaji Selidik Kepuasan IT		█				█				█				█				█
T4.3	Sesi Perkongsian Ilmu		█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█	█
T4.4	Latihan Semula ( <i>Refresher Training</i> )		█		█		█		█		█		█		█		█		█
T4.5	Membangunkan Duta ( <i>Champion</i> ) Jabatan			█															



# GARIS MASA PERLAKSANAAN

Quick Wins

TERAS 5 Memperkukuhkan Tadbir Urus ICT Dengan Standard, Amalan & Rangka Kerja Baru		'21 QW/ Base		'22 Base				'23 P1				'24 P2				'25 P3			
Sukuan		3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
T5.1	Dasar Bilik Pelayan ( <i>Server</i> )	█	█																
T5.2	Dasar Pembangunan <i>In-House</i>	█	█																
T5.3	Dasar & Procedur Pengurusan Inventori IT	█	█																
T5.4	Dasar & Procedur Pengurusan Projek	█	█																
T5.5	Dasar & Procedur Keselamatan Siber	█	█																
T5.6	Dasar & Procedur Tadbir Urus Data dan Perkongsian Data			█	█														
T5.7	Dasar & Procedur Jaminan Kualiti	█	█																
T5.8	Dasar & Procedur Pengujian	█	█																
T5.9	Perubahan Struktur Organisasi JPM			█	█														







# 05 HURAIAN PENTING

## STRATEGI

Peningkatan penggunaan sistem sedia ada dan penyerapan teknologi baru, yang disokong oleh infrastruktur yang selamat dan penyampaian perkhidmatan IT yang baik.

### MATLAMAT 1

Transformasi kepada organisasi *data-driven*.

### MATLAMAT 2

Peningkatan perkhidmatan awam.

### MATLAMAT 3

Pemacu kearah Bandaraya Pintar.

## TEMA

Pemodenan aplikasi, sistem, penyampaian digital, infrastruktur, analisis data, tadbir urus serta pengurusan perubahan.

## GARIS MASA

5 teras yang terdiri daripada 36 inisiatif yang dilaksanakan secara berfasa dalam tempoh 5 tahun, sehingga tahun 2025.

## PMO

Pengurusan, pemantauan dan penyelarasan PSP secara *end-to-end*.



Pemilihan sistem yang ketat (*stringent*) dan teliti berdasarkan kesesuaian (*fit for purpose*).



Kekalkan kerjasama antara IT dan bisnes.

## FAKTOR KEJAYAAN KRITIKAL



Semakan PSP selepas 2.5 tahun dengan penilaian tahunan untuk inisiatif-inisiatif kritikal.

Tadbir urus data adalah elemen penting dalam membangun ekosistem analitis data raya di DBKL.



Strategi pengurusan dan kesedaran perubahan untuk pihak dalaman dan luaran.



